

Headline	EPRE 2017 dijangka tarik 3,000 pengunjung		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	14 Mar 2017	Readership	947,000
Circulation	125,514	Page No	B6
Section	Bisnes	Journalist	Nasuha Badrul
ArticleSize	361 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 37,332		



# EPRE 2017 dijangka tarik 3,000 pengunjung

⇒ Acara tiga hari pamer teknologi, alatan mesin terbaru di rantau ini

Oleh Nasuha Badrul Huzaini

nasuha@bh.com.my

Pameran dwitahunan Electric, Power and Renewable Energy Malaysia 2017 (EPRE 2017) yang bakal berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada esok hingga Jumat ini dijangka menarik kunjungan lebih 3,000 pengunjung daripada 35 negara.

Acara yang diadakan selama tiga hari itu akan menyediakan pelbagai aktiviti menarik termasuk pameran, seminar, forum, acara rangkaian perniagaan dan sebagainya.

Pengarah Urusan UBM MES yang bertindak selaku pengangur pameran itu, Alun Jones, berkata dengan tema 'Kepentingan Tenaga', EPRE 2017 akan memperkenalkan teknologi, peralatan dan alatan mesin yang terbaru di rantau ini.

Katanya, tema itu dipilih berikutan komitmen berterusan dan sokongan terhadap teknologi hijau dan mapan di negara ini selaras dengan agenda hijau kebangsaan dan dalam masa yang sama menjadikan pameran itu sebagai platform untuk pembangunan sektor tenaga di Malaysia dan rantau ini.

"EPRE 2017 kini lebih fokus dalam memastikan ia kekal menjadi relevan dengan aliran tenaga tem-

patan dan global."

#### Sedia platform

"Pameran itu juga akan menyediakan platform idea kepada peserta dengan memberi peluang kepada ahlinya untuk bertukar pendapat, idea dan amalan terbaik."

"Di samping itu, mereka juga boleh mengetengahkan isu dan cabaran yang dihadapi dalam pelbagai sektor berkaitan industri tenaga," katanya kepada BH dalam temubual di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Untuk tahun ini, antara negara yang mengambil bahagian dalam Pavilion Antarabangsa termasuklah China, Korea dan Taiwan.

Selain itu, ia juga akan menambah dua lagi pavilion baharu yang menempatkan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan juga Program Pembangunan Vendor Bumiputera Tenaga Nasional Bhd (TNB BVDP).

Pameran itu dijangka dirasmikan oleh Timbalan Menteri KeTTHA, Datuk Seri SK Devamany S. Krishnasamy dan ia akan dibuka kepada orang ramai mulai jam 10 pagi hingga 6 petang.

Headline	EPRE 2017 dijangka tarik 3,000 pengunjung		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Mar 2017	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Bisnes	Page No	B6
ArticleSize	361 cm <sup>2</sup>	Journalist	Nasuha Badrul
PR Value	RM 37,332		



Headline	EPRE 2017 dijangka tarik 3,000 pengunjung		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	14 Mar 2017	Readership	947,000
Circulation	125,514	Page No	B6
Section	Bisnes	Journalist	Nasuha Badrul
ArticleSize	361 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 37,332		



**Jones (dua dari kiri)** pada sidang media pameran dwitahunan Electric, Power and Renewable Energy Malaysia 2017 (EPRE 2017) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.